

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERUBATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN PROFESIONAL
 TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred UD41	:	P1T1 RM1999.19	-	P1T24 RM4723.81
		P2T1 RM2095.20	-	P2T24 RM5022.83
		P3T1 RM2195.39	-	P3T24 RM5317.92
Gred UD43	:	P1T1 RM3028.90	-	P1T14 RM5018.81
		P2T1 RM3190.31	-	P2T14 RM5288.64
		P3T1 RM3358.68	-	P3T14 RM5547.49
Gred UD44	:	P1T1 RM3028.90	-	P1T14 RM5018.81
		P2T1 RM3358.68	-	P2T14 RM5547.49
Gred UD47	:	P1T1 RM4431.54	-	P1T8 RM5882.85
		P2T1 RM4647.22	-	P2T8 RM6156.98
		P3T1 RM4871.25	-	P3T8 RM6439.46
Gred UD48	:	P1T1 RM4431.54	-	P1T8 RM5882.85
		P2T1 RM4871.25	-	P2T8 RM6439.46
Gred UD51	:	P1T1 RM4992.31	-	P1T8 RM6443.62
		P2T1 RM5224.69	-	P2T8 RM6734.45
		P3T1 RM5465.42	-	P3T8 RM7033.63
Gred UD52	:	P1T1 RM4992.31	-	P1T8 RM6443.62
		P2T1 RM5465.42	-	P2T8 RM7033.63
Gred UD53	:	P1T1 RM5258.09	-	P1T8 RM6843.02
		P2T1 RM5473.77	-	P2T8 RM7149.15
		P3T1 RM5722.85	-	P3T8 RM7466.41
Gred UD54	:	P1T1 RM5258.09	-	P1T8 RM6843.02
		P2T1 RM5722.85	-	P2T8 RM7466.41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41:P1T6); atau

(ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41:P1T6); dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

LANTIKAN TERUS KE GRED UD43, UD47, UD51 ATAU UD53

2. Calon bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43, UD47, UD51 atau UD53 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) (i) atau (ii) di atas;
- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred UD41, UD43, UD47, UD51 atau UD53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Perubatan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI / PEPERIKSAAN

6. Pegawai Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Perubatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD44

10. Pegawai Perubatan Gred UD41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD48

11. Pegawai Perubatan Gred UD43/UD44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan UD48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD52

12. Pegawai Perubatan Gred UD47/UD48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan UD52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD54

13. Pegawai Perubatan Gred UD51/UD52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan UD54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

14. Pegawai Perubatan Gred UD53/UD54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

PENEMPATAN

1. Patologi
2. Mikrobiologi Perubatan
3. Trauma & Kecemasan
4. Perubatan Transfusi
5. Anestesiologi
6. Obstetrik & Ginekologi
7. Perubatan
8. Makmal Neurologi
9. Oftalmologi
10. Pediatrik
11. Perubatan Psikologi
12. Surgeri
13. Surgeri Ortopedik
14. Perubatan Rawatan Utama
15. Otorinolaringologi
16. Pengimejan Bio-Perubatan

PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <http://spi.ummc.edu.my/>. Dokumen-dokumen sokongan seperti *curriculum vitae*, ijazah asas perubatan, ijazah lanjutan (sekiranya berkaitan), dokumen pendaftaran dengan Majlis Perubatan Malaysia dan lain-lain hendaklah diemelkan kepada dahlia@ummc.edu.my. Semua dokumen ini (kecuali *curriculum vitae*) hendaklah disahkan benar.